

NEGERI BRUNEI

RANCHANGAN KEMAJUAN NEGARA

1962 – 1966



8.95955
U

H 18SC



NEGERI BRUNEI

RANCHANGAN KEMAJUAN NEGARA

1962 – 1966



Di-chetak di-The Brunei Press Ltd., Kuala Belait, Negeri Brunei.
Simon Marinus Busé, Penchetak Kerajaan.

1962

PEMBUKAAN

Ranchangan Kemajuan Negara ada-lah satu daripada perkara yang penting dan mustahak di-adakan bagi mengikuti dan bagi menyempurnakan maksud Perkembangan dan Kemajuan di-sesuatu negara. Kerana dengan ada-nya Ranchangan Kemajuan Negara yang serupa ini-lah akan menjadi satu asas yang akan di-ikuti bagi menjayakan maksud2 Ranchangan bagi Kemajuan sesuatu negara itu.

Ranchangan Kemajuan sesabuah negara bukan-lah hanya dapat di-selesaikan dengan sesuatu masa yang di-tetapkan mithal-nya 5 tahun, malah untuk menchapai Kemajuan sesabuah negara itu ada-lah akan mengambil masa yang lebih panjang dari masa yang kita fikirkan.


Biasa-nya dalam Ranchangan Kemajuan Negara yang telah di-fikirkan dengan sehalus2-nya sebagaimana yang terdapat dalam Ranchangan Kemajuan Negara kita ini ada-lah mengandungi chita2 Kemajuan dan kema'amoran bagi bangsa dan negara kita dalam semua lapangan, di-antara-nya termasok-lah Ranchangan2 Perusahaan, Ranchangan2 Kemajuan Buroh, Ranchangan2 Kemajuan Dalam Bandar, Luar Bandar dan juga Ranchangan2 Kemajuan Perhubungan dan lain2.

Ranchangan Kemajuan Negara sebagaimana yang ada bagi Negeri Brunei ada-lah menunjukkan satu bukti kerjasama yang telah dapat di-perbuat di-antara beberapa Pejabat Kerajaan dan juga oleh orang ramai dan Kerajaan.

Saya sangat suka-chita kerana dapat mengetahui bahawa chadangan2 Perkembangan yang akan mendatangkan kebaikan dan keuntongan kapada Negeri Brunei ini ada-lah mendapat sambutan baik daripada orang ramai. Dan saya juga suka-chita di-antara beberapa banyak orang di-lantek dan di-pileh di-dalam kumpulan Penasehat Perkembangan ini ada-lah juga termasok orang ramai yang mana saya perchaya mereka telah dapat memberi fikiran yang baik dan berguna untuk memikirkan dan merancangkan Kemajuan Negara ini. Pada mereka yang telah banyak mengambil bahagian itu memikirkan ranchangan2 Kemajuan Negeri ini saya mengucapkan terima-kaseh serta berharap dan perchaya ranchangan yang telah di-buat semoga akan mendapat kemajuan dan seterus-nya akan dapat mendatangkan kebahagiaan dan kema'amoran kapada seluruh penduduk negeri ini dan juga bagi kema'amoran Negara Brunei. Saya suka juga mengucap terima kaseh kapada Bangsa2 Bersatu kerana memberi saorang pakar Penasehat Ekonomi untuk menasehat dan membantu menyediakan Ranchangan Kemajuan Negara.

Ranchangan Kemajuan Negeri Brunei ini tidak-lah dapat di-selesaikan dan di-sampurnakan dengan setakat ranchangan yang ada ini sahaja, malah beberapa perkara terpaksa di-kaji dan tiap2 Achara dan Projek itu hendak-lah di-siasat dan akan di-siasat dengan sechara mendalam dan di-selidiki dengan halus. Hanya dengan jalan penyiasatan dan jalan penelitian yang sampurna dan kajian yang mendalam ini-lah sahaja nanti Kemajuan2 dan ranchangan2 itu akan dapat di-selanggarakan.

Sungoh begitu, saya perchaya dengan kerjasama daripada Pejabat2 Kerajaan dan juga dari kerjasama orang ramai di-negeri ini saya perchaya Kemajuan ini akan kita dapati dan akan kita ni'mati hasil-nya untuk menchapai kemajuan2 yang di-kehendakki bagi kema'amoran Negeri Brunei Darul-Salam.



MARSAL BIN MAUN,
Menteri Besar,
Brunei.

April, 1962.

JADUAL2 PERANGKAAN

Muka

JADUAL 1 — Perubahan Peratus Berkenaan Jumlah Pengeluaran Negara Brunei	...	3
2 — Perubahan Peratus Berkenaan Pendapatan Negara Ikot Harga Pasar dan Harga Faktor Dan Pendapatan Oleh Anak2 Negeri Ikot Harga Faktor	...	3
3 — Tambahan Pendudok Dari 1955 — 1960	...	3
4 — Bandingan Jumlah Pengeluaran Negara Brunei Dengan Nilai Pengeluaran Perusahaan Minyak	...	4
5 — Peratus Daripada Jumlah Semua Pengeluaran Negara	...	4
6 — Perhubungan Antara Bahagian Boroh dan Bahagian Jumlah Pengeluaran Negara	...	5
7 — Anggaran Tanaman Modal Yang Di-Kehendaki Dalam Tahun 1962 — 1966	...	7
8 — Hasil, Belanjaan, Wang Lebih Dan Pendapatan Dari Penanaman Modal	...	22
9 — Hasil Terbesar Dan Perbelanjaan	...	22
10 — Anggaran Hasil Dari Minyak, Anggaran Hasil Dari Tanaman Modal, Anggaran Jumlah Hasil Dari Semua Puncha, Anggaran Jumlah Perbelanjaan, Dan Anggaran Wang Lebih Yang Boleh Di-dapat Untuk Tanaman Modal Dan Deposit, 1962 — 1966	...	23
TAMBAHAN A — Anggaran Pertama Jumlah Pengeluaran Negara Dan Pendapatan Negara Brunei, 1955 — 1960	...	27